

01/11/1997

Apakah kejatuhan di NYSE dirancang

H H

PASARAN saham dunia yang runtuh Isnin lalu berikutan kejatuhan bursa Asia, New York pada paras paling buruk sejak sedekad lalu, kembali pulih semula.

Walaupun bukanlah satu yang luar biasa, berbanding pasaran saham lain yang lembap, Bursa Saham New York (NYSE) mampu mencatatkan semula kenaikan tinggi esoknya. Malah Indeks Dow Jones pada Selasa mencatatkan kenaikan tertinggi dalam sehari iaitu 337.17 mata atau 4.7 peratus kepada 7.498.32.

Maka pelbagai tafsiran dan pandangan yang diberikan oleh penganalisis apabila Amerika Syarikat - negara maju dan negara ekonomi besar juga terkena serangan kejatuhan bursa saham.

Bagaimanapun, mata wang dolar masih dianggap kukuh berbanding mata wang negara lain apabila kejadian Black Monday itu melanda.

Di Amerika, mereka berkata sekarang sudah jelas, negara kuasa besar tidak mempunyai sebarang kekebalan untuk menahan serangan seperti itu apabila ia berlaku. Mereka kata, kini terbukti tidak ada sebarang agenda di kalangan negara kaya dan Barat untuk meruntuhkan ekonomi, mata wang dan pasaran saham Asia sebagaimana yang didakwa oleh pemimpin Asia selama ini. Kata mereka, ini jelas apa yang dialami oleh NYSE. Jika Hong Kong, Malaysia, Thailand, Filipina diserang, sekarang New York, malah London juga tidak terkecuali.

Apabila wabak kejatuhan pasaran itu melanda, ketika itu jugalah di New York, Setiausaha Kewangan Amerika, Robert Rubin menegaskan masalah kewangan dan pasaran saham di Asia yang tidak stabil itu jelas sebagai satu yang sangat serius.

"Amerika mesti segera bekerjasama dengan Bank Dunia, Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) dan negara di rantau Asia Tenggara untuk mengukuhkan semula asas kewangan mereka secepat mungkin," katanya.

Rubin berkata, menjadi kepentingan utama bagi Amerika, Jepun dan negara lain memberi tumpuan utama kepada soal pemulihan semula Asia Tenggara.

Sehari selepas itu, Pengerusi Simpanan Persekutuan Amerika, Alan Greenspan pula memberitahu anggota kongres di Washington perkara yang sama.

Katanya, adalah bagi kepentingan Amerika dan negara lain di seluruh dunia untuk menggalakkan penyesuaian dasar yang wajar dan di mana yang diperlukan, menyediakan bantuan kewangan sementara kepada Asia Tenggara.

Itu di Amerika. Di Malaysia lain pula. Apabila bursa saham dunia lumpuh termasuk NYSE, maka ramai yang menyatakan ini memang dijangka.

Malah mereka yang dulu beri alasan walaupun tidak secara terbuka dan terang-terang bahawa kajatuhan bursa saham Malaysia disebabkan pemimpin kita "lantang membelasah tindakan spekulator dan manipulator" kini sudah tidak mahu lagi berpegang dengan pandangan itu.

Ramai pula yang mula berkata, apa yang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad suarakan selama ini memang tepat dan benar.

Lantaran, kita tidak terkejut jika sehari dua ini, apabila mereka berbicara dengan rakan, mereka akan nyatakan sokongan kepada kelantangan Dr Mahathir itu dan mahu beliau melantang lagi suaranya pada mesyuarat dan persidangan antarabangsa.

Mereka beri sokongan penuh kepada Dr Mahathir. Mereka tidak lagi menyalahkan pemimpin kita kerana bersuara lantang yang menyebabkan ringgit jatuh dan pasaran saham meredum.

Kata mereka, kejatuhan di Amerika itu sudah membuktikannya.

Barangkali mereka inilah juga talam dua muka yang sebut oleh Yang

Berhormat Ruhanie Ahmad dalam Dewan Rakyat baru-baru ini.

Mereka yang bermuka-muka ini sekarang sudah mula mengubah haluan pandangan dan pendapat melihat kepada perkembangan semasa.

Sekadar inilah Ketam Batu boleh cakap mengenai sikap mereka itu terhadap pemimpin kita. Sebabnya, ini semua adalah lumrah manusia.

Hari ini boleh cakap mengata, esok boleh sokong pula. Masing-masing mahu hidup! Lepas ini kita tidak tahu apa pula mereka akan cakap. Lebih-lebih lagi jika cadangan Malaysia kepada IMF dan Bank Dunia untuk mengadakan bursa khas bagi membolehkan perniagaan tukaran asing diadakan, terlaksana. Kita tunggu apa mereka nak cakap lepas ini.

Namun, dalam kegawatan sekarang macam-macam boleh berlaku sama ada secara kebetulan atau sengaja dirancang untuk menentukan arah tuju ekonomi antarabangsa kini.

Selain bermuka-muka macam sesetengah orang kita, sandiwara dan drama juga boleh dipentaskan. Mungkin juga apa yang berlaku di NYSE itu dirancang.

Tidak siapa yang tahu. Apakah tidak mustahil negara besar yang kita tahu memang mempunyai hubungan baik dengan spekulator dan manipulator, malah ada dakwaan sepekulator itu membantu sesetengah negara berkenaan membuat duit `panas', sebenarnya bersekongkol menjatuhkan NYSE untuk seketika.

Lagipun mereka ini adalah perancang pasaran yang sangat teliti, memiliki dana besar dan berkuasa terhadap perjalanan naik turun pasaran.

Hari ini mereka sesama sendiri jatuhkan NYSE, esok mereka jugalah yang bingkas semula bursa itu. Semua ini memang boleh berlaku.

Sekurang-kurangnya, keadaan ini boleh menjadi bukti kononnya mana-mana bursa tidak terkecuali daripada diserang. Cara itu boleh juga menunjukkan bahawa mereka bukan hanya menyerang Asia dan berpihak kepada kuasa besar dan pemimpin dunia yang berpengaruh.

Dalam pada itu, kita juga tidak boleh menolak kebenaran bahawa spekulator dan manipulator itu walaupun apa jua warganegara mereka, semuanya tidak pernah mengenal erti semangat patriotik dan jiwa kecintaan terhadap di negara mereka dilahirkan.

Pada mereka kecintaan utama ialah kepada wang. Lantas, mereka sanggup merompak NYSE untuk mengaut keuntungan walapun spekulator itu, ibu bapa malah datuk dan moyangnya mereka pun dilahirkan di Amerika.

Seperti di Amerika, di Malaysia warganegara kita sendiri pun mungkin ada yang begini sikapnya kerana jika tidak, sukarlah mereka untuk menjadi kaya-maya dalam sekelip mata!

(END)